

Realisasi Impianmu Bersama Shell 2020 – Terma & Syarat

1. Realisasi Impianmu Bersama Shell 2020 ("Inisiatif") dianjurkan bersama oleh Shell Malaysia Trading Sdn Bhd (No. Pendaftaran 196501000279) (6087-M) dan Shell Timur Sdn Bhd (No. Pendaftaran 198401000783) (113304-H), yang secara kolektifnya dikenali sebagai "Shell".

2. Tempoh pendaftaran inisiatif adalah dari 18 Ogos 2020 (12:00 pagi) hingga 11 September 2020 (11:59 malam), dan kedua-dua tarikh berkenaan boleh dilanjutkan oleh Shell tanpa notis awalan.

3. Inisiatif ini terbuka hanya untuk semua Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) berdaftar warganegara Malaysia dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun ("Peserta") kecuali mereka dalam kategori berikut:

(a) warga kerja tetap dan/atau kontrak ("Warga kerja") Shell dan ahli Gabungannya serta ahli keluarga terdekat mereka, seperti pasangan, anak, ibu bapa dan adik-beradik ("Anggota Keluarga Terdekat");

(b) penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh Shell serta ahli gabungannya (termasuk tetapi tidak terhad kepada agensi pengiklanan, agensi promosi, syarikat percetakan dan agensi pengurusan acara), dan Kakitangan serta Anggota Keluarga Terdekat mereka; dan

(c) peniaga, pedagang atau pengedar mana-mana barangan Shell termasuk Peruncit Stesen Minyak Shell, dan kakitangan mereka serta Anggota Keluarga Terdekat.

(d) pegawai kerajaan; bermaksud pegawai atau mana-mana kakitangan kerajaan, atau agensi, kementerian, jabatan kerajaan (di mana-mana peringkat), orang yang bertindak atas kapasiti rasmi bagi kerajaan tanpa mengira pangkat atau jawatan, pegawai atau kakitangan syarikat yang dikuasai mutlak atau sebahagiannya oleh kerajaan, parti politik dan mana-mana pegawai parti politik; calon pejabat politik, pegawai atau pekerja organisasi antarabangsa awam, seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau Bank Dunia, atau anggota keluarga terdekat kumpulan yang disebut sebelum ini.

(e) disabitkan dengan kesalahan jenayah.

(f) diisytiharkan muflis.

4. Untuk mengambil bahagian dalam Inisiatif ini serta peluang untuk menang, Peserta perlu:

(a) daftarkan butir-butir berikut di portal pendaftaran dalam talian di <http://www.shell.com.my/malaysiandream>. Butiran termasuk, tetapi tidak terhad kepada, nama seperti di dalam KP, No.KP, nombor telefon bimbit, alamat e-mel, nama syarikat/perniagaan, nombor pendaftaran syarikat/perniagaan, lokasi pengilangan, kategori produk, kapasiti pengeluaran sebulan, negeri pengedaran semasa, tiga pelanggan utama, jangka hayat produk, gambar kilang dan produk, serta kos produk.

Maklumat dan dokumentasi tambahan dialu-alukan: HACCP, HALAL, ISO, FSSC, GMP, MESTI, dan lain-lain perakuan tambahan (contohnya, pensijilan atau penganugerahan antarabangsa).

(b) Hantarkan dokumen yang diperlukan serta cerita bertulis mengenai diri, perniagaan dan produk mereka. Opsyenal: Sertakan klip video 15 saat atau kurang (* tidak melebihi 5MB) bagi menjual produk mereka sekreatif boleh kepada panel juri Shell.

(c) Kategori penyertaan terhad kepada: Snek (contohnya; keropok), Konfeksioneri (contohnya; biskut, roti, kek), Minuman Tanpa Alkohol atau Hidangan Sedia Makan (contohnya; makanan sejuk beku).

(d) Peserta yang disenarai pendek akan dihubungi oleh agensi lantikan Shell untuk menghantar sampel produk mereka ke Shell untuk ujian produk. Peserta perlu memastikan sampel produk untuk ujian mematuhi semua standard pengendalian makanan dan keselamatan yang berpatutan.

Nota Penting: Semua langkah di atas perlu dipatuhi dengan ketat. Borang pendaftaran yang tidak memenuhi kriteria seperti tertera di atas akan dikecualikan daripada kumpulan pilihan.

5. Peserta yang mematuhi semua langkah yang dinyatakan dalam Perenggan 4 berpeluang memenangi salah satu Hadiah berikut:

(a) Kontrak label peribadi (3 pemenang); sebuah kontrak dengan Shell Malaysia Trading bagi menyenaraikan produk mereka di Select Stores di bawah jenama label peribadi Shell.

(b) Peluang Penyenaraian Produk (27 pemenang) di Select Stores yang berkemungkinan di lokasi peringkat nasional, daerah, atau lokasi tertentu seperti yang diputuskan oleh Shell.

Semua pemenang yang disenarai pendek perlu lulus proses penyaringan wajib serta proses dalaman Shell.

6. Pemenang Hadiah akan dipilih seperti berikut:

(a) Pemenang kedudukan 21 - 30: Pemenang akan dipilih berdasarkan penilaian dalaman. Pengumuman pemenang akan disiarkan di laman sesawang Shell di <http://www.shell.com.my/malaysiandream> & halaman FB Shell menjelang 16 September 2020.

b) Pemenang kedudukan 1 - 20: Pemenang akan dipilih oleh panel hakim yang terdiri daripada pihak dalaman Shell dan pihak ketiga luaran bebas. Di samping itu, pengundian awam akan dibuka di laman sesawang Shell dan ini akan menyumbang sebanyak 5% kepada keputusan akhir. Pengumuman pemenang akan disiarkan di laman sesawang Shell di <http://www.shell.com.my/malaysiandream> & halaman FB Shell menjelang 12 Oktober 2020.

c) Pemenang akan dihubungi dan dimaklumkan kemenangannya oleh seorang wakil sah agensi lantikan media Shell melalui nombor hubungan telefon atau e-mel yang peserta berikan di dalam borang pendaftaran. Sekiranya percubaan pertama untuk menghubungi pemenang yang terpilih gagal (sama ada tiada jawapan, kegagalan sambungan dan sebagainya) dua lagi percubaan akan

dilakukan dalam tempoh dua hari berikutnya untuk menghubungi semula pemenang. Sekiranya percubaan seterusnya tidak berjaya, Shell berhak memilih pemenang lain.

7. Berikut adalah terma dan syarat bagi Hadiah:

(a) Hadiah dianugerahkan mengikut dasar "Sedia Ada" dan tidak boleh dipindah milik kepada pihak ketiga.

(b) Shell berhak untuk menggantikan Hadiah tanpa notis awalan.

(c) Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit atau ganjaran bukan berbentuk wang.

(d) Satu penyertaan bagi setiap IKS. Sekiranya terdapat lebih daripada 1 penyertaan, hanya penyertaan pertama akan dipertimbangkan.

8. Dengan mengambil bahagian dan menghantar Borang Pendaftaran, Peserta dengan secara tersurat bersetuju dan memberi keizinan untuk:

(a) terikat dengan Terma dan Syarat termasuk semua keputusan Shell berkaitan dengan Inisiatif ini;

(b) membenarkan Shell, ahli Gabungan serta agensinya memproses dan mendedahkan kepada mana-mana pihak ketiga, semua data peribadi Peserta yang diberikan oleh Peserta untuk Inisiatif ini untuk sebarang dan semua tujuan yang berkaitan dengan Inisiatif ini dan sebarang serta semua aktiviti lain yang berkaitan dengan atau timbul daripada perniagaan bersama Shell dan ahli Gabungannya;

(c) membenarkan Shell mengumpul, menggunakan, mendedahkan dan berkongsi antara mereka dan penyedia perkhidmatan masing-masing, data peribadi Peserta, termasuk gambar atau audio-video atau rakaman lain daripada Peserta untuk publisiti dan/atau penggunaan dalam iklan di semua media, dalam format asalnya atau disunting, dan sama ada untuk mempromosikan Inisiatif atau sebaliknya tanpa maklum, imbuhan atau pampasan lebih lanjut; dan

(d) memberi kuasa kepada Shell untuk memproses data peribadi Peserta yang dikumpul berdasarkan Inisiatif ini selaras dengan Polisi Promosi Privasi yang dipapar di laman sesawang Shell di <http://www.shell.com.my/privacy/b2Cnotice.html>. Polisi ini membentuk bahagian penting Terma dan Syarat Inisiatif ini.

9. Semua keputusan Shell mengenai semua perkara termasuk, tetapi tidak terbatas pada kelayakan Peserta, Mekanika dan/atau Hadiah Peraduan untuk Peraduan ini atau sekiranya ada perselisihan adalah muktamad dan mengikat dan sebarang surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayan.

10. Shell berhak membatalkan, menamatkan atau menangguhkan Inisiatif ini dengan atau tanpa notis awalan. Sekiranya timbul sebarang keraguan, pembatalan, penamatan atau penangguhan Inisiatif ini oleh Shell, tidak memberi hak kepada mana-mana pihak untuk membuat tuntutan atau pampasan terhadap Shell untuk sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh mana-mana pihak berikutan akibat langsung atau tidak langsung daripada tindakan pembatalan, penamatan atau penggantungan ini.

11. Dalam keadaan apa pun Shell tidak akan bertanggungjawab atas kerugian atau kerosakan termasuk tanpa batasan, kehilangan pendapatan, keuntungan atau ganjaran lain, kerugian langsung atau tidak langsung, sampingan, akibat langsung, teladan atau punitif mana-mana pihak termasuk pihak ketiga walau macam mana pun yang timbul sama ada pada kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya, sehubungan dengan Inisiatif ini, walaupun Shell telah dinasihati tentang kemungkinan kerosakan tersebut terlebih dahulu dan semua kerosakan tersebut dikecualikan dengan jelas.

12. Semua Peserta bertanggungjawab secara peribadi untuk membayar semua cukai, kadar, fi kerajaan atau sebarang caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka berdasarkan undang-undang yang berkaitan, jika ada, berhubung Inisiatif ini.

13. Shell berhak atas budi bicara mutlaknya untuk mengubah, membatalkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat dari semasa ke semasa tanpa notis awalan.

14. Terma dan Syarat ini, sebagaimana sedia ada mungkin dipinda dari semasa ke semasa, dan akan diutamakan berbanding sebarang peruntukan atau pernyataan yang terkandung dalam bahan promosi lain yang mengiklankan Inisiatif ini.

15. Untuk maklumat lebih lanjut, sila kunjungi www.shell.com.my, atau hubungi Perkhidmatan Pelanggan Shell di talian 1300-88-1808 atau e-mel ke generalpublicenquiries-my@shell.com

16. Sekiranya terdapat percanggahan, konflik, kekaburan atau perbezaan dalam Terma dan Syarat ini antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.